



Ruj. Kami : KPM.600-6/1/8 Jld. 4 (17)  
Ruj. tuan : PPM4 JLD-2(039)/2017  
Tarikh : 19 September 2017  
28 Zulhijjah 1438H

Ketua Pegawai Eksekutif  
Persekutuan Pengakap Malaysia  
Rumah B-P  
Jalan Hang Jebat  
50150 Kuala Lumpur

YBhg. Dato',

**PERMOHONAN KEBENARAN, KELULUSAN DAN PELEPASAN GURU SERTA MURID UNTUK  
MENYERTAI *JAMBOREE ON THE AIR (JOTA)* KALI KE-60 PERINGKAT ANTARABANGSA  
2017**

Dengan hormatnya surat YBhg. Dato' bertarikh 24 Ogos 2017 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian ini **tiada halangan** bagi penglibatan guru dan murid untuk menyertai ***Jamboree On The Air (JOTA)* Kali Ke-60 Peringkat Antarabangsa 2017** pada **20 hingga 22 Oktober 2017**. Walau bagaimanapun aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2009, Bil.9/2004 dan Bil. 7/1988** yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- 2.1 Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;
- 2.2 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- 2.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;
- 2.4 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;
- 2.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
- 2.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat;



2.8 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum murid, pihak tuan dikehendaki mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program bersama **surat permohonan pengiktirafan program**.

3. **Kelulusan ini hanya untuk program *Jamboree On The Air (JOTA)* Kali Ke-60 Peringkat Antarabangsa 2017 pada 20 hingga 22 Oktober 2017 sahaja dan luput selepas 22 Oktober 2017.** Surat kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”**

Saya yang menurut perintah,



**(ROZAINUM BINTI AHMAD)**

Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. 1. Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri